

14/03/1997

Johor adalah negeri selamat: Ghani

KULAI, Khamis - Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, menolak dakwaan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, yang melabelkan negeri ini sebagai tidak selamat dan dipenuhi keganasan.

Sambil menyifatkan dakwaan itu sebagai tidak berasas, beliau berkata Johor adalah negeri yang selamat untuk dilawati kerana rakyatnya hidup dalam suasana muafakat, harmoni dan bersatu padu.

Beliau berkata, bekas Perdana Menteri Singapura itu harus sedar apa yang diperkatakan dan gambaran yang dinyatakan dalam affidavit bersumpahannya sebagai tidak berasas.

"Kita bangga sebagai rakyat Malaysia kerana pemimpinnya, terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai wawasan untuk membangunkan negara dan menjadikannya stabil dan aman damai.

"Oleh itu, kerajaan negeri menolak dakwaan pemimpin kanan Singapura itu yang menggambarkan Johor sebagai tidak selamat dan dipenuhi dengan keganasan," katanya di majlis muhibah kongsi raya anjuran Parti Gerakan, di sini malam tadi.

Lee dalam affidavit berhubung kes saman fitnah terhadap bekas calon pembangkang republik itu, Tang Liang Hong, mendakwa Johor sebagai tempat tidak selamat kerana dipenuhi keganasan termasuk tembak menembak, menyamun dan merampas kereta.

Dalam affidavit bersumpahannya di Mahkamah Tinggi Singapura bertarikh 27 Januari lalu, Lee dan anaknya Lee Hsien Loong selaku plaintif memberi gambaran Johor tidak selamat menerusi dua perenggan.

Sambil memperakui dirinya sebagai plaintif pertama dan turut mewakili Hsien Loong sebagai plaintif kedua, Lee yang merujuk kepada satu kenyataan isteri Tang, Teo Siew Har berkata: "Saya hairan. Dia (Tang) mendakwa nyawanya terancam. Tetapi daripada semua tempat, dia pergi ke Johor."

Lee berkata, adalah tidak munasabah sama sekali orang seperti Tang yang takut nyawanya terancam pergi ke tempat seperti Johor.

(END)